

## KERATAN AKHBAR

### (Bahagian Canselor)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 28/11/2016

Muka surat: 5

Taiuk : UNIMAS bangunkan aplikasi Sistem Pengesahan Pengundi

# UNIMAS bangunkan aplikasi Sistem Pengesahan Pengundi

MICHEAL SERING

**KUCHING:** Parti Pesaka Bumi-putera Bersatu (PBBN) 7 Samariang yakin projek perintis aplikasi Sistem Pengesahan Pengundi (VTS) dibangunkan pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Kampung Sungai Bedil Besar akan berjaya memudahkan parti itu memastikan penduduk bandar raya ini keluar mengundi pada pilihan raya akan datang.

Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pembangunan Keluarga yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Samariang, Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali berkata demikian dan sekiranya itu berlaku pihaknya akan berusaha memperluaskan penggunaan VTS di seluruh DUN Samariang yang ada keseluruhannya seramai 15,000 pengundi berdaftar di bandar raya ini.

"Sistem VTS ini akan membantu menambah baik cara kita bekerja dan hanya perlu diperhalusi dari sudut pelaksanaannya tetapi merupakan satu sistem yang boleh kita cuba sebagai projek perintis dahulu di Kampung Sungai Bedil Besar. Saya yakin sistem ini boleh berjaya dan kalau berjaya kita akan menggunakan sepenuhnya (di DUN Samariang)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Penyerahan Aplikasi Sistem Pengesahan Pengundi atau Voters Tracking System (VTS) di Kampung Sungai Bedil Besar, di sini, semalam.

Majlis terbabit juga dihadiri Naib Canselor UNIMAS, Professor Dato Dr Mohamad Kadim Suaidi, Penghulu Kampung Sungai Bedil Besar, Haji Ghani Abone



SAKS I... Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali (tengah) menyaksikan Professsor Dato Dr Mohamad Kadim Suaidi (kiri) mewakili UNIMAS menyerahkan aplikasi Sistem Pengesahan Pengundi (VTS) kepada Penghulu Kampung Sungai Bedil Besar, Haji Ghani Abone (kanan).

dan Ketua Kordinator Program VTS Kampung Sungai Bedil Besar-UNIMAS, Zamahari Haji Saidi.

Sharifah berkata antara fungsi penting VTS yang dibangunkan pelajar Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UNIMAS bersama penduduk kampung itu bermula sejak 15 Oktober lalu ialah membolehkan petugas parti pada hari mengundi mengesan dengan pantas siapa penduduk kampung itu yang belum keluar mengundi dan yang sudah menggunakan komputer.

"Menjelang pilihan raya, kita berkempen berminggu-minggu tetapi pada hari terpenting iaitu hari mengundi kita boleh dianggap sebagai gagal sekiranya tidak dapat mencari siapa yang belum turun mengundi dan gagal memastikan mereka menuaikan tanggungjawab sebagai pengundi," katanya.

Beliau berkata ketika pilihan raya sebelum ini, petugas parti terbabit di bandar raya ini menggunakan Sistem Kawalan Undi yang



memerlukan mereka mengunjungi setiap kampung dan kawasan perumahan sambil membawa salinan senarai pengundi yang tebal bagi mengesan pengundi belum turun mengundi dan ini tugas yang berat.

Sharifah sehubungan itu mahu penduduk Samariang yang mempunyai masalah di kampung atau taman perumahan mereka supaya berusaha menjalinkan kerjasama dengan UNIMAS yang boleh membantu menangani masalah itu dengan idea dan kaedah baharu yang lebih baik dibangunkan pelajar dan pensyarahnya.

VTS merupakan satu aplikasi

komputer yang membolehkan jentera pilihan raya parti di kawasan tertentu mengesan pergerakan pengundi yang keluar mengundi ketika hari mengundi menggunakan teknologi maklumat direka pelajar Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UNIMAS.

Aplikasi ini mampu menyenam rekod pengundi yang keluar mengundi pada masa sebenar ini bukan sahaja mengurangkan masa pengiraan yang dibuat secara automatis malahan bolah mencatatkan jumlah penduduk keluar mengikut zon atau keseluruhan kawasan.

Rekod berkenaan juga akan membolehkan petugas parti membuat keputusan dan mengambil tindakan tertentu dalam usaha memastikan pengundi yang belum mengundi untuk keluar mengundi serta mengurangkan beban petugas parti dengan hanya menyentuh skrin telefon bimbit, tablet atau komputer riba bagi mendapatkan maklumat rekod itu.